

Sinar Harian 5/12/2018 ms 17

Bersalah guna pukat tunda

KUALA TERENGGANU - Tindakan berani 14 nelayan warga Vietnam menangkap ikan dan memiliki peralatan pukat tunda tanpa lesen sah di perairan negara ini menerima padah apabila masing-masing didenda RM40,000 atau enam bulan penjara, jika gagal menjelaskan denda berkenaan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Mahkamah juga memerintahkan vesel, peralatan komunikasi dan navigasi, peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan laut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Keputusan dibuat selepas kesemua mereka mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1085(Akta 317) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Mengikut pertuduhan, mereka bersama-sama didapati menangkap ikan dengan menggunakan peralatan pukat tunda tanpa

kebenaran dan tanpa permit sah yang dikeluarkan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu ketika menangkap ikan di atas vesel penangkapan ikan asing bembor KG 90557 TS di kedudukan jarak lebih kurang 126 batu nautika dari Kuala Terengganu, lebih kurang jam 6.30 pagi, pada 29 Julai lalu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), Jabatan Perdana Menteri, Mohamad Afiq Taqudin Roslan di hadapan Hakim Azman Mustapha manakala kesemua mereka diwakili peguam bela, Mohd Suhaimi Ismail.

Bagaimanapun, tekong mereka, Nguyen Binh Son, dikenakan waran tangkap kerana gagal hadir ke mahkamah dan dimaklumkan oleh peguam bela dari Tetuan Zainy & Partners itu, dia sudah melarikan diri.

FOTO: GAMBAR HIASAN



Vesel milik nelayan asing dilucutkan hak kepada Kerajaan Malaysia.